KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	01.02.22 (SELASA)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	PERHILITAN			



PERHILITAN Terengganu menangkap gajah jantan liar di Kampung Padang Tapong, kelmarin.

Penduduk lega Perhilitan tangkap gajah liar

Jerteh: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu menangkap seekor gajah jantan liar di Kampung Padang Tapong di sini, kelmarin.

Pengarah Perhilitan Terengganu, Loo Kean Seong berkata, tangkapan itu dibuat selepas pihaknya menerima aduan awam berhubung gajah liar yang dilihat berkeliaran di sekitar kampung berkenaan.

"Kakitangan Perhilitan Terengganu berjaya menangkap gajah itu pada jam 2.15 petang selepas tidak lama usaha mengesannya dilakukan.

"Gajah jantan dianggarkan berusia 15 tahun dengan berat kira-kira dua tan dipercayai datang dari Hutan Simpan Pelagat yang terletak berdekatan kampung itu," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Katanya, gajah itu dijangka akan dipindahkan dengan bantuan gajah denak yang dibawa dari Pusat Konservasi Gajah Sungai Deka, Hulu Terengganu, Rabu ini.

Tangkapan dibuat selepas terima aduan gajah liar berkeliaran sekitar kampung

Sementara itu, seorang penduduk, Mohd Zulkifli Ismail, 61, berkata, dia berasa lega selepas gajah terbabit berjaya ditangkap oleh Perhilitan.

"Banyak tanaman pisang, nanas, nangka dan getah di kebun saya yang terletak 200 meter dari jalan raya di kampung ini dimakan dan dirosakkan haiwan terbabit sejak tiga hari lepas.

"Disebabkan ada gajah berkeliaran, saya juga bimbang untuk ke kebun kerana khuatir ia masih bersembunyi di semak berhampiran," katanya menambah beberapa kebun penduduk lain turut dimusnahkan gajah liar itu termasuk kawasan tanaman sawit.

Katanya, sebelum ini gajah berkenaan juga didapati pernah menghampiri kawasan perumahan, Taman Saujana yang terletak berdekatan kampung terbabit. - Bernama